



PENDAFTARAN / KEMASKINI MAKLUMAT AHLI KARIAH / KHAIRAT KEMATIAN MASJID AL-MUJAHIDEEN, DAMANSARA UTAMA.

Pihak Pengurusan Masjid Al-Mujahideen sedang menjalankan kempen pendaftaran dan mengemaskini data profil Ahli Kariah dan Ahli Khairat Kematian.

Justeru itu, Tuan-tuan dan Puan-puan adalah diminta untuk mengisi maklumat terkini di dalam borang yang disediakan.

Pengertian dan Liputan

1. Kawasan / Sempadan Kariah

Kawasan Kariah Masjid Al-Mujahideen meliputi kawasan SS 20, SS 21 dan SS 22.

2. Ahli Kariah Masjid Al-Mujahideen

a) Ahli Kariah adalah mereka:-

i. yang menetap dan bermukim sekurang-kurangnya 4 bulan dalam kawasan Kariah Masjid Al-Mujahideen

ii. warga negara Malaysia

iii. berumur 18 tahun ke atas.

Pendaftaran sebagai Ahli Kariah ada lah percuma.

Nota : Keahlian sebagai Ahli Kariah akan terlucut apabila seseorang ahli berpindah dari kawasan Kariah Masjid Al-Mujahideen atau meninggal dunia.

b) Faedah sebagai Ahli Kariah:-

i. Menerima maklumat mengenai program dan aktiviti Masjid, pengetahuan (ilmu) mengenai keagamaan, kemasyarakatan dan ekonomi.

ii. Layak menghadiri Mesyuarat Agong untuk mengundi dan/atau dilantik sebagai AJK.

- iii. Boleh menyertai dan mewakili Masjid dalam aktiviti/program rasmi.
- iv. Boleh menjadi Ahli Khairat Kematian Masjid Al-Mujahideen.

3. Ahli Tabung Khairat Kematian Masjid Al-Mujahideen

Tabung Khairat Kematian Masjid Al-Mujahideen adalah sebuah tabung diwujudkan dengan tujuan untuk mengurus jenazah Ahli Kariah Masjid Al-Mujahideen dan orang awam Islam yang lain.

a) Ahli Tabung Khairat Kematian adalah :

- i. mereka yang telah berdaftar sebagai Ahli Tabung Khairat Kematian Masjid Al-Mujahideen.
- ii. Setiap Ahli Tabung Khairat Kematian adalah meliputi ahli keluarga yang tinggal bersama di alamat rumah yang di daftarkan.

b) Ahli keluarga adalah terdiri dari :-

- i. Ketua Keluarga,
- ii. Isteri / Suami,
- iii. Anak-anak yang berumur di bawah 26 tahun yang tinggal bersama,
- iv. Ibu/ bapak yang tinggal bersama dan
- iv. Lain lain tanggungan yang diluluskan oleh pihak Masjid Al-Mujahideen.

c) Yuran Ahli Tabung Khairat Kematian adalah sebanyak RM 50 setahun.

Sakiranya Ketua Keluarga meninggal dunia, keahlian sebagai Ahli Tabung Khairat Kematian akan berpindah kepada Suami atau Isteri yang berdaftar.

Bagi ahli tanggungan yang berumur 26 tahun keatas hendak mendaftar sebagai Ahli Khariat berasingan.

Setiap rumah bolih mempunyai lebih dari satu Ahli Tabung Khairat Kematian Masjid Al-Mujahideen.

4. Faedah sebagai Ahli Khairat Kematian:-

- a) Perkhidmatan pengurusan dan pengebumian jenazah secara percuma di dalam kawasan perkhidmatan (50km dari Masjid Al-Mujahideen).
- b) Jika pengurusan kematian serta pengebumian tidak diurus oleh pihak Masjid Al-Mujahideen, bayaran sugu hati akan dibayar kepada Penganti / Pewaris Ahli mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Masjid AlMujahideen.

c) Perkhidmatan penghantaran jenazah ke luar kawasan perkhidmatan (diluar lingkungan 50km dari Masjid Al-Mujahideen) juga disediakan tertakluk kepada kos yang akan ditetapkan oleh pihak Masjid Al-Mujahideen.

d) Lain-lain urusan pentadbiran seperti laporan polis dan permit pengebumian hendaklah diuruskan oleh pihak waris.

Mereka yang ingin menjadi Ahli Kariah / Ahli Tabung Khairat Kematian Masjid Al-Mujahideen atau ingin mengemaskini keahlian mereka hendaklah mengisi borang yang disediakan.

Sekian Terima Kasih.

Datuk Hj Yusra Bin Sabar (0196655419)
Nazir Masjid Al-Mujahideen